

MAKLUMAT RINGKAS UNTUK KELUARGA PESAKIT UJIAN CRASH-3

Asid tranexamic untuk rawatan kecederaan otak traumatik yang signifikan;
ujian plasebo terkawal, buta duaan dirawakkan antarabangsa.

Saudara anda menghadapi kecederaan kepada yang memerlukan rawatan segera. Beliau akan menerima semua penjagaan kecemasan lazim untuk kecederaan kepala yang kami sediakan di hospital ini. Selain daripada ini, kami ingin menyertakannya dalam satu kajian antarabangsa. Kajian ini akan melihat sama ada ubat yang dipanggil asid tranexamic mengurangkan pendarahan di dalam kepala selepas kecederaan kepala. Kami berharap ubat ini akan membawa kepada pemulihan yang lebih bagus. Kami tahu bahawa ubat ini mengurangkan pendarahan dalam kecederaan teruk lain dan tanpa kesan sampingan, tetapi kami tidak tahu sama ada ia berfungsi dalam kecederaan kepala.

Sebagai sebahagian daripada kajian, saudara anda akan menerima suntikan ke dalam vena diikuti dengan titisan selama lapan jam. Separuh pesakit dalam kajian akan menerima asid tranexamic manakala separuh akan menerima ubat palsu (cecair yang tidak mengandungi asid tranexamic). Kami tidak akan tahu sehingga penamat kajian siapa yang menerima rawatan apa. Kami perlu mengumpul sedikit maklumat mengenai keadaan perubatan saudara anda dan menghantarnya ke pejabat pusat di London.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kajian anda sekarang, maka kami akan memberitahu anda. Jika tidak, kami akan memaklumkan anda lebih lanjut mengenainya kemudian. Adakah anda bersetuju untuk kami meneruskan dengan rawatan kajian?

Ya, saya bersetuju untuk anda meneruskan.

Nama: _____

Tandatangan: _____

Perhubungan dengan Pesakit: _____

Tarikh: _____

(Lengkapkan hanya di tempat yang diperlukan)